

**Kerajaan Kaji Jadikan Status Jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM Berdasarkan Perlembagaan Bernama**  
**27 Februari , 2012**

PUTRAJAYA, 27 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk menjadikan status jawatan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai sebuah jawatan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, sebagaimana pelantikan jawatan Peguam Negara, Ketua Audit Negara dan para hakim.

Perdana Menteri berkata ia merupakan antara perkara-perkara yang sedang dikaji, khusus bagi memastikan kebebasan dan ketelusan suruhanjaya itu.

Katanya beliau juga bersetuju dengan pandangan Lembaga Penasihat SPRM supaya satu Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah yang mempunyai kuasa untuk melantik dan memecat anggota SPRM diwujudkan, bagi memperlihatkan kebebasan badan itu.

"Tapi perkara ini memerlukan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Insya-Allah sekiranya Barisan Nasional diberi mandat dua pertiga dalam pilihan raya akan datang, pindaan Perlembagaan sewajarnya akan dibuat dan Suruhanjaya Perkhidmatan ini akan dibentuk," katanya semasa berucap merasmikan Program Pegawai Integriti Bertauliah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini, petang Isnin.

Menurutnya ketika ini semua proses pelantikan dan pemecatan pegawai SPRM dibuat menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dan dengan wujudnya Suruhanjaya Perkhidmatan itu nanti, ia akan dapat menapis, menemuduga, melantik dan memecat anggota-anggotanya sendiri.

Najib berkata SPRM amat memerlukan sebuah badan khusus dalam pemilihan anggota, berdasarkan kualiti dan kredibiliti calon bagi melaksanakan tugas yang memerlukan kepakaran tertentu.

Beliau berkata jika ia dapat dilaksanakan, maka ramai golongan profesional negara yang ingin berkhidmat dengan SPRM akan dapat berbuat demikian secara lebih mudah dan efisien.

Merujuk kepada beban tugas pula, Perdana Menteri berkata kerajaan faham dan memandang serius kekangan dan kekurangan yang dihadapi SPRM, khususnya dalam aspek keanggotaan serta bajet, dan menurutnya perkara itu juga dibangkitkan oleh Lembaga Penasihat SPRM dalam pertemuan dengannya.

Katanya pada tahun 2008 jumlah keanggotaan Badan Pencegah Rasuah (BPR) adalah seramai 1,840, dan apabila SPRM ditubuhkan keanggotaan pegawainya tidak banyak berubah, malah menunjukkan penurunan, apabila keanggotaan badan itu pada Julai lepas ialah 1,805.

Najib berkata dengan jumlah keanggotaan yang terhad, bagaimana mungkin SPRM boleh menjalankan tugas secara berkesan, tambahan pula bidang kuasa yang diperuntukkan

mengikut Akta SPRM 2009 adalah lebih luas berbanding Akta sebelumnya iaitu Akta Pencegahan Rasuah yang diguna pakai sebelum penubuhan SPRM.

"Atas justifikasi ini, saya bersetuju supaya pertambahan 150 perjawatan diwujudkan setiap tahun, sehingga jumlahnya mencecah seramai 5,000 orang. Jumlah 150 orang setahun ini dibuat memandangkan proses pelantikan pegawai-pegawai SPRM bukan sebagaimana pegawai-pegawai kerajaan yang lain, mereka memerlukan latihan dan kepakaran tertentu," katanya.

Beliau berkata pola jenayah rasuah kini semakin kompleks dan semakin global merentasi sempadan, yang menjadikan SPRM amat memerlukan kakitangan profesional dan pakar pelbagai bidang bagi membanteras jenayah sebegini.

Katanya antara bidang yang dikenal pasti memerlukan kepakaran profesional adalah seperti forensik akaun, kejuruteraan, komunikasi, teknologi maklumat, undang-undang dan sebagainya.

Merujuk kepada program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) pula Najib berkata ia merupakan satu langkah bagi memastikan keberkesanaan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, menerusi pembangunan satu bentuk pemantauan hal ehwal dalaman sesebuah organisasi, sekaligus menambah lagi ketelusannya.

Program ini dirangka bagi melahirkan pegawai integriti bertauliah yang berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program integriti di kementerian, jabatan dan agensi masing-masing.

Pada November 2008, BPR diberi tanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada jabatan yang ingin mewujudkan Ketua Pegawai Integriti mereka sendiri, dan kemudiannya Akademi Pencegahan Rasuah SPRM, menerusi Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) diberi tanggungjawab merangka program khusus dengan modul-modul tertentu bagi menjamin standard dan kualiti pegawai integriti yang akan dihasilkan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648334>